

BAB 4

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini melapurkan dapatan yang diperolehi menerusi pemerhatian, penelitian dokumen, temubual dan soal selidik terhadap faktor pelaksanaan program literasi komputer.

Penyelidik telah memerhati proses pengajaran dan pembelajaran di makmal, meneliti beberapa dokumen seperti rekod di sekolah, serta menemubual pengetua, pihak pengurusan dan guru. Tujuannya untuk mendapat gambaran sebenar tentang bagaimana program literasi komputer sebenarnya dilaksanakan.

Dapatkan kajian ini dimulakan dengan latarbelakang dan suasana sekolah kajian.

4.1 Latarbelakang Sekolah

Sekolah Seri Cahaya dibuka pada tahun 1999. Bangunan sekolah siap dibina pada penghujung tahun 1998. Ia adalah satu blok bangunan empat tingkat. Mengikut perancangan ada lagi blok banguan yang akan dibina. Sekolah ini dimiliki oleh sebuah syarikat yang dikenali sebagai Education Ventures Sdn Bhd, yang beribupejabat di Subang Jaya. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1986 adalah dimiliki oleh empat orang pemegang saham, (**Lampiran 1**). Syarikat ini mempunyai sebuah lagi sekolah di Hulu Langat dan lima belas buah tadika atau ‘Child Enrichment Centre’(CEC) di seluruh negara.

Semua polisi berkaitan dengan sekolah adalah dibuat oleh Pengurus Besar, Pengetua sekolah, Pengurus Operasi Kanan dan lembaga pengarah syarikat. Namun begitu urusan perjalanan harian sekolah adalah terletak di bahu pengetua.

Pada tahun 1999 hanya pengetua dan dibantu oleh dua orang pentadbir menguruskan pentadbiran sekolah, tetapi pada sesi 2000 pengetua dibantu oleh seorang timbalan pengetua. Pada sessi 1999 bilangan guru yang bertugas adalah seramai dua puluh tujuh orang manakala pada sesi 2000 bilangannya meningkat kepada tiga puluh tujuh orang. Guru sekolah rendah adalah kebanyakannya lulusan maktab dan yang bersara dari sekolah kerajaan. Begitu juga untuk sekolah menengah kebanyakannya adalah yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda berserta dengan Diploma Pendidikan.

Sekolah ini diberi nama Sekolah Seri Cahaya kerana bersesuaian dengan motto syarikat iaitu ‘Light Unto The World’. Cahaya dianggap penerang kegelapan maka bersesuaian dengan itu maka nama Seri Cahaya diberikan.

Sekolah ini yang mempunyai keluasan empat ekar tanah adalah terletak di Kayangan Heights, Shah Alam. Ia boleh dihubungi melalui jalan raya menghala ke Sungai Buluh. Ia juga berhampiran dengan beberapa jalan utama seperti Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Utara-Selatan. Ia juga terletak sebelas kilometer dari Shah Alam dan dua belas kilometer dari Subang Jaya, (**Lampiran 2**).

Pada tahun 1999 sekolah ini memulakan pendidikan dari peringkat tadika hingga ke peringkat tingkatan tiga, manakala bermula sesi 2000 pendidikan bagi tingkatan empat disediakan. Walaupun ia sebuah sekolah swasta tetapi ia adalah tertakluk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu urusan pentadbiran dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran adalah terpulang kepada pihak sekolah.

Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah ini bermula pada waktu lapan setengah pagi dan tamat pada tiga empat puluh lima petang. Selain bilik darjah, sekolah ini dilengkapi dengan bilik-bilik seperti bilik perpustakaan, makmal sains, bilik kemahiran hidup, makmal bahasa, bilik sukan dan sebuah dewan sekolah.

Matapelajaran yang diajar adalah seperti di sekolah kerajaan dengan beberapa penambahan seperti matapelajaran Mandarin, Muzik, Literasi Komputer, Renang, Gimnastik serta pendedahan awal matapelajaran Sains dan Program ‘Public Speaking’, (**Lampiran 3**). Bilangan maksima pelajar untuk setiap kelas ialah dua puluh lima orang. Jumlah pelajar sekolah pada sesi 1999 ialah seramai 190 orang. Manakala pada sesi 2000 bertambah menjadi 420 orang.

Setiap pelajar membayar yuran dalam lingkungan empat ribu ke lima ribu lima ratus setahun yang meliputi yuran pelajaran, makanan dan lain-lain, (**Lampiran 4**). Pelajar kebanyakannya menggunakan pengangkutan bas sekolah yang diselenggarakan oleh pihak pengurusan sekolah dan ada juga diantar sendiri oleh ibu-bapa mereka. Kebanyakan pelajar datang dari kawasan Subang Jaya dan USJ. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya berlatarbelakangkan ibubapa golongan profesional.

4.2 Mengapa Literasi Komputer Diperkenalkan

Mengikut Pengurus Besar dan juga Pengurus Kanan Operasi antara tujuan utama mengapa literasi komputer diperkenalkan adalah kerana menjadi polisi syarikat untuk memberikan pendidikan terbaik di sekolah ini selaras dengan objektif syarikat iaitu ‘Transforming Life Through Quality Education’. Kemahiran komputer kini dianggap sebagai satu cabang penting dalam bidang pendidikan. Disamping itu ‘*Information Technology*’ (IT) tidak dapat dipisahkan dari kehidupan seharian lebih lagi peranannya akan menjadi semakin penting pada masa depan. Jadi adalah menjadi tanggungjawab syarikat menjadikan sekolah ini tempat pelajar memperolehi kemahiran berkomputer.

Generasi hari ini membesar dengan komputer dimana mereka bermain permainan komputer berhibur dengan peralatan seperti cakera digital, perakam video yang berfungsikan komputer, sebaliknya, keadaan di sekolah pula tidak mencerminkan keadaan sebenar. Maka kewujudan jurang ini perlu diatasi melalui pengenalan komputer di sekolah.

Didapati juga pengenalan literasi komputer adalah bertujuan menyediakan pelajar untuk mengharungi dan menghadapi cabaran dalam bidang pekerjaan pada masa depan. Bidang pekerjaan kini memerlukan calon yang memiliki kemahiran komputer sebagai satu kriteria utama. Pendapat ini juga boleh dilihat dalam kajian-kajian yang lain.

Program literasi komputer diharap akan membantu guru dan pelajar dalam usaha meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dimana komputer boleh memainkan peranan penting dalam usaha mencari sumber maklumat melalui penggunaan ‘Internet’.

Kajian juga mendapat program literasi komputer diperkenalkan untuk mendapat publisiti agar dapat menarik lebih ramai ibubapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka. Menurut pengetua sekolah, salah satu aspek yang diutamakan oleh ibubapa sebelum mendaftarkan anak mereka di sekolah ialah samada sekolah memberikan pelajaran yang berkaitan dengan komputer. Maka dengan adanya program literasi komputer, sekolah ini akan dilihat lebih ‘baik’ untuk masa depan anak-anak mereka. Memandangkan sekolah ini ialah sebuah sekolah swasta maka perkembangannya bergantung kepada kemasukan pelajar yang ramai.

4.3 Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Program Literasi Komputer.

Untuk menjawab persoalan ini data adalah diperolehi melalui kaedah soal selidik dan analisis di buat berdasarkan dua persoalan, iaitu pertama, faktor – faktor yang menjadi penghalang pelaksanaan program literasi komputer dan kedua insentif/ keperluan untuk melaksanakan program literasi komputer.

A. Demografi

1. Jawatan

Seramai lima orang terlibat dalam soalselidik ini. Mereka terdiri dari Pengetua sekolah, Guru Komputer, Pengurus Besar, Pengurus Kanan Operasi dan Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum. Kesemua mereka terlibat dalam pelaksanaan program literasi komputer di sekolah.

2. Tahap Pendidikan

Jadual 4.0 : Tahap Pendidikan Sampel

Jawatan	Tahap Pendidikan
Guru	Ijazah Sarjana Muda & Diploma Pendidikan
Pengetua	Ijazah Sarjana Muda, Diploma Pendidikan, Ijazah Sarjana Pendidikan, Ijazah Sarjana Muda Undang – Undang
Pengurus Besar	Ijazah Sarjana Sains dan MBA
Pengurus Kanan Operasi	Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pengurusan
Pengurus Sumber & Perkembangan Kurikulum	Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan

Jadual 4.0 menunjukkan tahap pendidikan sampel. Guru mempunyai ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan. Pengetua mempunyai ijazah Sarjana Muda, Diploma Pendidikan, Sarjana Pendidikan dan Sarjana Muda Undang – Undang. Pengurus Besar mempunyai Ijazah Sarjana Sains dan MBA. Pengurus Kanan Operasi mempunyai ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pengurusan. Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum mempunyai ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan.

3. Pengalaman dalam Bidang Pendidikan

Jadual 4.1: Pengalaman Sampel Dalam Bidang Pendidikan

Jawatan	Pengalaman Dalam Bidang Pendidikan
Guru	1- 5 tahun
Pengetua	melebihi 20 tahun
Pengurus Besar	11 – 15 tahun
Pengurus Kanan Operasi	6- 10 tahun
Pengurus Sumber & Perkembangan Kurikulum	melebihi 20 tahun

Jadual 4.1 menunjukkan pengalaman sampel dalam bidang pendidikan. Guru mempunyai pengalaman selama lebih kurang 1 –5 tahun. Pengetua mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun. Pengurus Besar mempunyai pengalaman lebih kurang 11- 15 tahun. Pengurus Kanan Operasi mempunyai pengalaman lebih kurang 6 –10 tahun dan Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun.

4. Menghadiri Kursus Teknologi Maklumat

Jadual 4.2: Kursus Teknologi Maklumat Yang Dihadiri Oleh Sampel

Jawatan	Menghadiri Kursus Teknologi Maklumat
Guru	Pernah
Pengetua	Tidak pernah
Pengurus Besar	Tidak pernah
Pengurus Kanan Operasi	Tidak pernah
Pengurus Sumber & Perkembangan Kurikulum	Tidak pernah

Jadual 4.2 menunjukkan kehadiran sampel dalam kursus berkaitan teknologi maklumat. Kesemua sampel tidak pernah mengikuti sebarang kursus kecuali guru. Guru komputer pernah menghadiri seminar berkaitan ‘smart school’ di Universiti Malaya dan kursus yang dianjurkan oleh pihak Futurekids. Guru juga mengikuti pengajian dalam bidang Komputer dalam Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

5. Kefahaman mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan

Jadual 4.3 : Kefahaman Sampel Mengenai Penggunaan Teknologi

Maklumat Dalam Pendidikan

Jawatan	Kefahaman mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan
Guru	Sangat faham
Pengetua	Sederhana Kefahaman
Pengurus Besar	Sederhana Kefahaman
Pengurus Kanan Operasi	Sederhana Kefahaman
Pengurus Sumber & Perkembangan Kurikulum	Faham

Jadual 4.3 menunjukkan kefahaman sampel mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan. Pengurus Besar, Pengurus Kanan Operasi dan Pengetua mempunyai sederhana kefahaman manakala Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum mempunyai kefahaman yang lebih tinggi dari mereka. Gurulah yang mempunyai kefahaman yang tertinggi mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan.

B. Halangan – halangan kepada proses pelaksanaan Program Literasi

Komputer

Jadual 4.4: Halangan Kepada Proses Pelaksanaan Program Literasi

Komputer

Faktor Halangan	Kedudukan pilihan faktor yang jadi halangan kepada proses pelaksanaan program literasi yang dibuat oleh sampel				
	Guru	Pengetua	Pengurus Besar	Pengurus Kanan Operasi	Pengurus Sumber & Perkembangan Kurikulum
Kekurangan kewangan	1	1	1	1	1
Keselamatan peralatan	-	3	5	5	5
Kurang perisian sesuai	2	2	2	2	2
Sokongan teknikal	5	-	3	3	3
Kurang peralatan	3	4	4	4	4
Kurang minat dari pelajar	-	-	-	-	-
Kurang sokongan pimpinan	-	-	-	-	-
Kurang insentif bagi pendidik	4	5	-	-	-

(Pilihan 1 mewakili faktor halangan yang paling utama manakala pilihan 5 adalah yang kurang utama dalam mempengaruhi proses pelaksanaan program literasi komputer)

Jadual 4.4 menunjukkan kedudukan pilihan terhadap faktor yang dianggap menghalang pelaksanaan program literasi komputer. Wujud ketidak seragaman dalam pilihan faktor, namun halangan kekurangan kewangan dan kekurangan

perisian disetujui bersama sebagai halangan pertama dan kedua yang mempengaruhi pelaksanaan program literasi komputer.

Guru memilih kekurangan peralatan sebagai pilihan ketiga, manakala Pengetua memilih aspek keselamatan peralatan sebagai pilihan ketiga. Pihak pengurusan yang terdiri dari Pengurus Besar, Pengurus Kanan Operasi, Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum membuat pilihan yang sama iaitu sokongan teknikal sebagai pilihan ketiga.

Untuk pilihan keempat, Guru membuat pilihan terhadap kekurangan insentif untuk pendidik sebagai pilihan. Manakala Pengetua dan pihak pengurusan membuat pilihan yang sama iaitu kekurangan peralatan sebagai pilihan keempat.

Guru memilih sokongan teknikal sebagai pilihan kelima, manakala Pengetua memilih kekurangan insentif kepada pendidik sebagai pilihan kelima. Pihak pengurusan mempunyai persamaan dalam pilihan iaitu memilih aspek keselamatan sebagai pilihan kelima.

Faktor lain yang dianggap menjadi halangan pelaksanaan program literasi komputer.

1. Tiada perancangan rapi.
2. Ramai guru tidak berminat dalam menggunakan komputer.
3. Tekanan pihak ibubapa untuk menukar program komputer.
4. Gangguan letrik.
5. Bebanan kerja yang banyak untuk guru.

C. Keperluan untuk pelaksanaan pelaksanaan program Literasi

Komputer dalam pendidikan

Jadual 4.5: Keperluan Untuk Pelaksanaan Program Literasi

Komputer Dalam pendidikan

Keperluan	Kedudukan pilihan keperluan untuk proses pelaksanaan program literasi yang dibuat oleh sampel				
	Guru	Pengetua	Pengurus Besar	Pengurus Kanan Operasi	Pengurus Sumber & Perkembangan Kurikulum
maklumat 'on-line'	-	2	-	-	-
Projek perintis sbg model	5	1	5	5	2
Teknologi pendidikan satu keutamaan umum	-	4	4	4	4
Subsidi kerajaan	-	-	1	1	1
Melatih pendidik	3	3	-	-	3
Kurangkan kerja bukan pengajaran	4	-	-	-	-
Banyak perisian yang murah	2	-	2	2	-
Akses telekomunikasi yang lebih murah	1	5	3	3	5

(Pilihan 1 mewakili keperluan yang paling utama manakala pilihan 5 adalah yang kurang utama dalam mempengaruhi proses pelaksanaan program literasi komputer)

Jadual 4.5 menunjukkan Keperluan untuk pelaksanaan program literasi komputer. Jadual menunjukkan wujud perbezaan dalam pilihan yang dilakukan oleh sampel.

Ketiga - tiga wakil dari pihak pengurusan memilih subsidi dari kerajaan sebagai keperluan pertama yang perlu untuk pelaksanaan program literasi komputer. Manakala Pengetua memilih kewujudan projek perintis sebagai pilihan pertama. Guru pula memilih akses telekomunikasi yang murah sebagai pilihan pertama.

Untuk pilihan kedua wujud perbezaan pilihan dikalangan pihak pengurusan. Pengurus Besar dan Pengurus Kanan Operasi disertai oleh Guru memilih kewujudan banyak perisian yang murah sebagai keperluan yang kedua untuk pelaksanaan program literasi komputer. Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum memilih kewujudan projek perintis sebagai pilihan kedua. Pengetua pula memilih adanya maklumat secara 'on –line' sebagai pilihan kedua.

Pengurus Besar dan Pengurus Kanan Operasi memilih akses telekomunikasi yang murah sebagai pilihan ketiga. Manakala Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum, Pengetua dan Guru memilih keperluan melatih pendidik sebagai pilihan ketiga.

Untuk pilihan keempat Pengetua, Pengurus Besar, Pengurus Kanan Operasi dan Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum memilih insentif teknologi pendidikan satu keutamaan umum sebagai pilihan. Guru memilih insentif kurangkan kerja bukan pengajaran sebagai pilihan keempat.

Untuk pilihan kelima Pengurus Besar, Pengurus Kanan Operasi dan Guru memilih insentif kewujudan projek perintis sebagai pilihan. Pengetua dan Pengurus Sumber dan Perkembangan Kurikulum memilih akses telekomunikasi yang lebih murah sebagai pilihan kelima.

Keperluan lain untuk pelaksanaan pelaksanaan program Literasi

Komputer dalam pendidikan

1. tambahkan peralatan komputer dan peralatan lain.
2. menujuhan jawatankuasa untuk memantau pelaksanaan program literasi komputer.
3. membiayai guru yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang IT.

4.4 Proses Perancangan Dan Pelaksanaan

Pelaksanaan program literasi komputer di sekolah ini melalui dua peringkat, iaitu pertama perancangan kedua proses pelaksanaan.

Sebelum tahun 1997 tiada perancangan rapi dilakukan dalam melaksanakan program literasi komputer. Berdasarkan maklumat yang diberi oleh guru komputer, pihak syarikat tidak begitu mengambil berat berkaitan dengan kepentingan program literasi komputer. Ini jelas dapat dilihat terhadap program literasi komputer yang dilaksanakan di Sekolah Seri Suria, iaitu sebuah lagi sekolah yang dimiliki oleh syarikat ini. Pada masa itu pengajaran komputer adalah bergantung kepada pengetahuan yang dikuasai oleh guru. Penekanan sekolah adalah lebih banyak diberikan kepada pelajaran-pelajaran akademik sahaja. Kesemua aspek berkaitan penyelenggaraan komputer adalah diuruskan oleh guru komputer sendiri.

Selepas Kementerian Pendidikan Malaysia mula mengenalkan rancangan Sekolah Bistari serta kemunculan sekolah swasta lain yang mula menawarkan pengajaran komputer, maka pihak pengurusan mula mengambil usaha-usaha untuk mengubah situasi ini.. Seterusnya satu jabatan dikenali sebagai Jabatan Sumber dan Perkembangan Kurikulum ditubuhkan. Jabatan ini dipertanggungjawabkan dalam usaha mencari jalan baru untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian dan tinjauan dilakukan terhadap beberapa buah sekolah Kerajaan untuk mencari jalan baru untuk meningkatkan mutu program literasi komputer. Menurut pengurus jabatan ini, lawatannya ke beberapa buah sekolah di Lembah Kelang menunjukkan bahawa ketiadaan perisian yang sesuai dalam kejayaan program literasi sekolah. Kekurangan perisian tempatan serta ketiadaan kepakaran berkaitan bidang

komputer dalam jabatan mereka menyebabkan mereka berusaha mendapatkan kerjasama beberapa pusat yang mengendalikan program komputer.

Selepas setahun membuat penilaian terhadap pengedar dan sukatan program literasi komputer, maka syarikat ini membuat satu perjanjian dengan sebuah wakil pengedar program literasi komputer yang bernama ‘Futurekids’ di Subang Jaya. Program Futurekids ini adalah direkabentuk oleh beberapa orang pakar pendidikan dari Amerika Syarikat.

Perjanjian untuk program Futurekids ini menelan kos sebanyak RM500,000 yang meliputi aspek latihan, perisian dan modul pengajaran untuk tadika dan dua sekolah. Peralatan komputer dibeli sendiri oleh syarikat ini selepas mendapat nasihat dari wakil pengedar program tersebut. Peralatan ini di beli untuk kegunaan di dua buah sekolah dan tadika. Perjanjian ini dibuat untuk tempoh dua tahun bermula dari tahun 1999 hingga 2001. Program Futurekids dibeli oleh syarikat ini kerana ia dianggap sesuai digunakan bagi peringkat tadika hingga ke peringkat menengah.

Pada masa ini Jabatan Sumber dan Perkembangan Kurikulum sedang dalam usaha membentuk sukanan program literasi komputer sendiri untuk syarikat ini. Mengikut pengurus Jabatan Sumber dan Perkembangan Kurikulum mereka kini dalam usaha membentuk sebuah Jawatankuasa IT yang akan bertanggungjawab sepenuhnya berkaitan pelaksanaan program komputer di syarikat, sekolah serta tadika.

Perancangan yang seterusnya melibatkan aspek pembelian perkakasan dan penyediaan makmal serta tenaga pengajar. Perancangan lebih awal telah dibuat sebelum bangunan ini dibina pada tahun 1998. Dalam pelan bangunan bilik makmal adalah merupakan satu aspek utama. Ia merupakan sebuah bilik yang

direka lebih besar daripada bilik darjah yang lain. Pihak pengurusan juga telah mendapatkan tenaga pengajar khususnya yang berpengalaman dalam bidang komputer sebelum sesi persekolahan dimulakan. Guru komputer memulakan tugas pada hujung bulan Oktober dan dipertanggungjawabkan untuk menyiapkan makmal komputer.

Perbelanjaan sebanyak RM90,000.00 digunakan untuk mengubahsuai bilik dengan pendawaian, peralatan-peralatan komputer, papan tulis, penyaman udara, meja dan kerusi serta permaidani.

Sebelum pengubahsuaian untuk pendawaian dilakukan perancangan mengenai kedudukan/susunan peralatan komputer telah dilakukan. Menurut guru komputer susunan kedudukan komputer dilakukan melalui pengalaman beliau menjadi penyelaras pusat komputer dan nasihat pensyarah beliau di pusat pengajian tinggi, (**Lampiran 5**).

Meja dan kerusi ditempah selepas cadangan rekabentuk diberikan oleh beliau. Pelan susunan kedudukan komputer serta kedudukan meja guru dan kabinet diberikan kepada pihak kontraktor untuk memudahkan proses pengubahsuaian bilik terutamanya proses pendawaian. Kesemua pendawaian dan pemasangan meja komputer dilakukan dengan kehadiran beliau dimakmal. Untuk aspek keselamatan makmal, ‘grill’ besi juga dipasang.

Makmal yang mengambil masa selama sebulan untuk diubahsuai dan disiapkan adalah terletak di tingkat dua banguan sekolah. Makmal yang siap mempunyai tiga belas komputer jenama HP Pavilion untuk pelajar dan sebuah komputer khas untuk guru. Dalam makmal juga dilengkapi dengan enam buah pencetak dan sebuah ‘scanner’, (**Lampiran 6**).

Makmal juga dilengkapi dengan pendingin udara dan kipas. Sebuah papan tulis, empat ‘softboard’ kecil didinding sebelah kiri dan kanan serta satu papan pameran tugas pelajar di luar makmal. Dua kabinet untuk tujuan menyimpan kertas dan fail disediakan. Sebuah meja khas yang dilengkapi dengan bahan bacaan berkaitan dengan komputer juga disediakan. Satu kawasan khas disediakan untuk memperkenalkan peralatan komputer seperti ‘CD-ROM’, ‘Mother Board’, ‘Modem’, ‘Monitor’ dan beberapa peralatan lain.

Aspek penyelenggaran komputer adalah dilakukan oleh guru komputer sendiri. Kerosakan peralatan adalah bukanlah satu masalah yang besar setakat ini. Peralatan yang rosak akan diperbaiki oleh pembekal. Laporan kerosakan akan diberikan kepada pejabat sekolah. Pihak sekolah akan berusah dengan pembekal peralatan dalam urusan membaiki peralatan. Bahan kegunaan seperti kertas cetak dan dakwat pencetak didapatkan dari pejabat sekolah.

Guru komputer juga didedahkan dengan latihan yang berkaitan dengan aspek peralatan dari masa ke semasa oleh pihak sekolah. Manakala pengedar program Futurekids pula mengadakan latihan setiap kali sesuatu program baru dikenalkan. Dalam latihan ini beliau akan dibekalkan dengan perisian dan modul untuk kegunaan beliau di sekolah. Latihan ini selalunya di adakan di pusat Futurekids, Subang Jaya.

Tinjauan terhadap kurikulum Futurekids menunjukkan terdapat sepuluh aspek kemahiran yang perlu dikuasai seperti ‘Wordprocessing’, ‘Graphics’ ‘Databases’, ‘Spreadsheets’, ‘Desktop Publishing’, ‘Telecommunications’, ‘Multimedia’, ‘Programming’, ‘Operating Environments’ dan ‘Applied Technology’, (**Lampiran 7**).

Pemerhatian terhadap pelaksanaan program literasi komputer oleh guru mendapati bahawa sebelum sesuatu pengajaran dimulakan guru bersedia lebih awal di makmal. Pelajar datang ke makmal dengan membawa fail untuk menyimpan tugas masing – masing. Kesemua pelajar membuka kasut sebelum memasuki makmal. Pelajar duduk dalam pasangan yang telah dipilih oleh guru.

Guru membuat penerangan dan pengajaran dalam bahasa Inggeris. Penerangan dilakukan tentang aktiviti yang dilakukan. Kemahiran yang akan dipelajari didemonstrasikan dahulu di komputer khas oleh guru dan pelajar kemudiannya membuat latihan bersama dengan pasangan mereka. Guru mengawasi dengan meronda untuk membuat tunjuk ajar kepada yang menghadapi masalah. Selepas latihan, pelajar akan mencetak hasil latihan dipencetak yang dikongsi bersama pasangan lain. Satu salinan akan disimpan dalam fail masing – masing. Guru membuat penilaian hasil kerja pelajar, dan beberapa contoh yang terbaik akan dipamirkan di papan luar bilik makmal. Prosedur yang sama dilakukan terhadap semua peringkat pelajar iaitu dari peringkat tadika hingga menengah. Guru juga melakukan penilaian bercorak praktikal untuk mengetahui keberkesanan pemahaman pelajar.

4.5 Masalah-Masalah Yang Dihadapi

Antara masalah yang dihadapi ialah masalah kewangan. Walaupun sekolah ini sekolah swasta namun kos untuk menjalankan program literasi komputer menelan belanja yang besar. Pihak pengurusan terpaksa membelanjakan wang yang banyak terutamanya untuk penyelenggaraan komputer, kertas cetak dan dakwat pencetak serta bayaran untuk beberapa siri latihan peningkatan kemahiran untuk semua guru - guru komputer.

Masalah lain ialah ketiadaan tenaga pakar berkaitan dalam bidang IT di syarikat. Kebanyakan kakitangan di syarikat adalah lebih cenderung kepada bidang pengurusan dan pentadbiran. Ketiadaan golongan yang berlatarbelakangkan pendidikan dan berpengalaman dalam bidang komputer pendidikan menyebabkan pelaksanaan literasi komputer adalah menjadi tidak lancar.

Desakan ibubapa terutama yang inginkan penukaran program literasi komputer. Ibubapa yang mempunyai anak-anak yang berkemahiran tinggi dalam bidang komputer ingin sekolah memberi program yang lebih berorientasikan bidang sains komputer. Menurut Pengetua ada ibubapa inginkan sekolah mengenalkan bidang ‘Programming’ yang ditawarkan dalam kursus sains komputer untuk anak-anak mereka diperingkat sekolah rendah.

Bilik makmal yang tidak cukup luas juga merupakan satu masalah kepada pengajaran dan pembelajaran. Keadaan makmal adalah tidak cukup luas untuk mewujudkan persekitaran pengajaran pembelajaran yang sempurna. Menurut guru komputer tiada ruang untuk aktiviti atau tempat pelajar untuk berkumpul. Gerakan pelajar adalah terhad kerana kawasan tengah makmal yang seharusnya merupakan tempat meja perbincangan terpaksa digunakan untuk peralatan komputer pelajar.

Kurikulum program ‘Futurekids’ ini adalah merangkumi dari peringkat tadika hingga peringkat menengah, namun begitu guru komputer mendapati kurikulum program ini hanya sesuai sehingga tahap pelajar Tingkatan Dua. Maka pelajar-pelajar Tingkatan Tiga dan Empat tidak dapat mengikuti dengan sepenuhnya program literasi komputer.

Disamping itu ada juga pelajar disekolah ini telah pun mengikuti program literasi komputer ini di pusat ‘Futurekids’ yang bertempat di Subang Jaya. Jadi pelajar-pelajar ini mengulang kembali kemahiran yang sama di sekolah.

Guru juga mengatakan ada sebilangan pelajar yang mempunyai skil kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang komputer. Pelajar ini merasakan program ‘Futurekids’ adalah lebih rendah dari keupayaan mereka.

Ketiadaan pembantu makmal atau penyelaras makmal membebankan guru komputer terutamanya dari aspek kerja penyelenggaraan dan pengurusan makmal komputer. Masalah gangguan letrik menyebabkan pembelajaran menggunakan komputer tidak dapat dilaksanakan.

Selain itu perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal komputer adalah tidak memuaskan. Masa yang lama diperlukan oleh pembekal untuk menyiapkan sesuatu kerosakan yang berlaku pada peralatan.

Disamping itu masalah penjadualan juga mengganggu pengajaran dan pembelajaran. Pelajaran terpaksa ditamatkan mengikut waktu jadual sekolah iaitu empat puluh minit yang dirasakan oleh guru adalah tidak cukup. Pada sesi lepas satu jam digunakan.

Masalah lain adalah beberapa kelas mempunyai waktu program literasi komputer selepas waktū pendidikan jasmani. Guru merasakan situasi ini mengganggu suasana pembelajaran kerana kelewatian pelajar dan ada pelajar yang masuk dengan badan berpeluh. Memandangkan bilik ini ditutup dan berhawa dingin menimbulkan persekitaran yang tidak selesa didalam makmal.

Guru juga merasakan peralatan di bilik makmal adalah belum memadai. Peralatan-peralatan seperti LCD Projektor, kemudahan ‘Networking’ adalah tidak disediakan.

Guru juga merasakan beliau dibebankan dengan tugas-tugas lain yang memerlukan banyak perhatian. Beliau dipertanggungjawabkan sebagai setiausaha peperiksaan sekolah. Banyak kali pengajaran telah tertunda kerana guru terlibat dengan urusan yang berkaitan dengan peperiksanaan.

4.6 Cara Mengatasi Masalah Yang Timbul

1. Pelaburan ditingkatkan oleh pihak syarikat terutamanya dalam aspek pembelian peralatan-peralatan baru. Disamping itu makmal yang lebih besar sedang dalam pembinaan dengan kelengkapan ‘Networking’ dan lain-lain.
2. Kurikulum ‘Futurekids’ dikaji semula agar kelemahan-kelemahan dapat diatasi.
3. Jawatankuasa IT ditubuhkan yang terdiri dari pakar berkaitan dalam bidang IT.
4. Bidang setiausaha peperiksaan kini dibantu oleh guru lain.
5. Guru sendiri membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

4.7 Rancangan Masa Depan

Rancangan masa depan berhubung dengan pelaksanaan program literasi komputer tidaklah begitu jelas. Pihak pengurusan membuat rancangan yang menyeluruh kepada pembangunan dan perkembangan sekolah. Antara rancangan masa depan yang jelas ialah pembinaan bangunan baru yang juga akan menyediakan sebuah makmal komputer yang lebih besar dengan kemudahan peralatan yang lebih sesuai untuk pelaksanaan program pendidikan komputer. Rancangan lain ialah pembentukan sebuah jawatankuasa IT yang diharapkan menyediakan kurikulum program pendidikan komputer yang sesuai untuk kegunaan pelajar-pelajar dari peringkat tadika hingga ke peringkat menengah.